

PM, Dr M disyor bertemu

PASIR MAS: Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah menyarankan isu membabitkan kritikan Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap kepimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi diselesaikan di meja rundingan.

Beliau berkata, perkara itu boleh diselesaikan melalui 'perbincangan' membabitkan kedua-dua pihak walaupun mengakui isu yang dibangkitkan itu tidak akan menjejaskan kekuatan Umno.

"Isu yang dibangkitkan Tun walaupun dilihat memberi kesan kepada sesetengah pihak, tetapi saya rasa ia tidak akan membawa akibat buruk terhadap Umno secara keseluruhannya.

"Apa yang penting, penerangan hendaklah diberi dengan jelas supaya ahli Umno faham situasi sebenar. Saya rasa Perdana Menteri dan Tun kena bertemu dan berbincang mengenai perkara itu supaya ia diselesaikan secara baik," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis kesyukuran Peti Undi Lubok Aching, Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Pasir, di sini, semalam.

Tengku Razaleigh berkata, beliau yakin isu yang dibangkitkan bekas Perdana Menteri itu tidak akan menjejaskan perancangan Umno Kelantan dalam usaha menawan negeri ini daripada Pas.